

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 11, 2018 4:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Graduan Perlu Aplikasi Ilmu Bukan Untuk Wang Semata-Mata



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

11 NOVEMBER 2018 / 3 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

GRADUAN PERLU APLIKASI ILMU BUKAN UNTUK WANG SEMATA-MATA



UUM ONLINE: Graduan universiti ini diminta mengaplikasikan ilmu demi kepentingan rakyat, bukan untuk mendapatkan wang semata-mata.

Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah bertitah, graduan harus menjadikan ilmu sebagai suatu rahmat dan bertanggungjawab untuk menggerakkan konsep masyarakat penyayang secara serius.

Titah baginda, ini kerana pelbagai gejala negatif kian menular dalam masyarakat.

“Beta berharap graduan menjadi contoh dan *role model* untuk memastikan masyarakat kita beretika dan mengamalkan sifat kasih sayang.

“Graduan juga diharap tidak menjadi terlalu selesa dalam meneruskan kelangsungan kehidupan,” titah baginda pada Istiadat Pemasyhuran Pro-Canselor dan Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM di Dewan Mu’adzam Shah, pagi tadi.

Baginda bertitah, graduan haruslah bijak menganalisa persekitaran untuk mencari dimensi baharu.

Titah baginda, mereka harus bersiap siaga dari segi fizikal, mental dan rohani untuk menghadapi cabaran mendatang.

“Sesungguhnya pendidikan di universiti bukan sekadar mendapatkan kelulusan untuk mencari pekerjaan tetapi sebagai tapak meneruskan kehidupan sempurna di masa hadapan.

“Beta berharap graduan dapat meneruskan kehidupan dengan cara lebih berjaya, kreatif dan produktif sehingga mampu menjadi pencipta kerja dan bukan sekadar pencari kerja,” titah baginda.

Baginda bertitah, graduan UUM bertuah kerana berpeluang melanjutkan pengajian di kampus yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika yang menyimpan khazanah alam amat bernilai.

Titah baginda, anggaplah UUM sebagai rumah akademik yang dekat di hati dan budaya mengenang jasa juga perlu diterapkan sebaik mungkin.

“Alumni UUM juga perlu mengenang jasa alma mater sebagai tanda penghargaan sama ada pada skala kecil atau besar yang akan menjulang nama UUM di persada dunia,” titah baginda.

Pada majlis sama, baginda turut memasyhurkan Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin sebagai Pro-Canselor UUM baharu.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau telah menetapkan hala tuju yang jelas untuk membawa UUM ke tahap lebih tinggi, bagaimanapun masih mengekalkan prinsip untuk menginsankan pendidikan.


Menurutnya, UUM telah mencapai kemajuan besar ke arah melaksanakan beberapa langkah-langkah yang telah dikenal pasti untuk memudahkan proses tersebut, antaranya apabila YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyarankan agar universiti menukar dan menggunakan kaedah baharu dalam pengajaran dan aktiviti sosial lain.

"Saya juga berharap graduan UUM tidak hanya mampu menjawat jawatan tinggi di pelbagai institusi tetapi mampu menjadi seorang manusia yang sempurna, cantik jiwa raganya dan mampu menyumbang kepada masyarakat.

"Semoga graduan juga tidak melupakan alma mater, yakni UUM dan terus menghulurkan sumbangan demi pembangunan kampus tempat anda pernah menuntut ilmu," katanya.

Turut berangkat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha binti Almarhum Tengku Ariff, Sultanah Kedah.

Seramai 131 graduan menerima ijazah masing-masing hari ini yang disampaikan Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.